



KENYATAAN MEDIA

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA

MAKLUMAT SITUASI SEMASA MONSUN BARAT DAYA

(19 – 25 JUN 2023)

MET Malaysia memaklumkan Monsun Barat Daya yang membawa cuaca panas dan kering serta taburan hujan yang lebih sedikit daripada kebiasaan **telah bermula sejak 15 Mei 2023**. Dalam seminggu yang mendatang, angin baratan yang diterima oleh rantaui negara berpotensi mengakibatkan pembentukan garis badai pada awal pagi di perairan Selat Melaka, pantai barat Semenanjung Malaysia, utara Sarawak dan barat Sabah. Manakala ribut petir, hujan lebat beserta angin kencang berpotensi berlaku di pedalaman dan pantai timur Semenanjung Malaysia, barat, pedalaman dan utara Sarawak serta timur dan pedalaman Sabah pada sebelah petang hingga malam.

Sepanjang minggu lepas, terdapat **empat (4) daerah** yakni Jempol di Negeri Sembilan, Kuala Krai di Kelantan, Rompin di Pahang serta Betong di Sarawak yang mencatatkan cuaca panas tahap 1 (berjaga-jaga). Corak cuaca yang sama dijangka berterusan untuk minggu yang akan datang.

Jabatan Pengaliran dan Saliran meramalkan keadaan cuaca sebegini akan menyebabkan **masalah gangguan bekalan air** di daerah-daerah seperti Sik, Baling, Kulim, Seberang Perai Utara, Alor Gajah, Melaka Tengah, Kuala Krai, Gua Musang, Machang, Kota Bharu, Tanah Merah, Pasir Mas dan Bintulu.

Rentetan itu, terdapat **1 (satu) empangan** menunjukkan penyusutan baki stok simpanan air mentah dan berada pada paras KRITIKAL (bawah 40%), iaitu Empangan Muda di Kedah (30.48% berbanding 32.87% minggu sebelumnya). Selain itu, **empat (4)** empangan menunjukkan baki stok simpanan air pada paras AMARAN (antara 41-50%), iaitu Empangan Timah Tasoh di Perlis (45.65%), Empangan Malut di Kedah (46.70%), Empangan Teluk Bahang di Pulau Pinang (44.50%) dan Empangan Sembrong Barat di Johor (46.66%).

Pemantauan Jabatan Alam Sekitar menyaksikan Cheras (W.P. Kuala Lumpur), Port Dickson (Negeri Sembilan), Shah Alam dan Klang (Selangor) merekodkan **kualiti udara yang tidak sihat** (di antara 101-200) akibat cuaca panas dan kering yang berpanjangan.

Sehingga 26 Jun 2023, sebanyak **53** (44 minggu sebelumnya) **kes kumulatif** penyakit berkaitan cuaca panas telah dicatatkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, di mana lima (5) adalah kes strok haba, 29 kelesuan haba dan 19 kes kejang haba. Kesemua kes telah berjaya dirawat dan pesakit telah dibenarkan pulang ke rumah. Tiada (0) kes kematian baru dilaporkan pada

hari ketujuh Minggu Epid (ME) 25/2023. Ini menjadikan bilangan kumulatif kes kematian akibat strok haba kekal satu (1) kematian sahaja yang dilaporkan pada 25 April 2023.

Masyarakat diingatkan untuk peka serta patuh kepada arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa. Pastikan anda merujuk kepada portal MetMalaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia dan NADMA untuk maklumat yang terkini dan sahih.

-TAMAT-